

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA      : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN    : BERTULIS**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan persiapan Kerajaan untuk melaksanakan penguatkuasaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai 2015 dan bagaimakah sambutan para peniaga setakat ini.

**JAWAPAN**

Jabatan Kastam telah bersedia untuk menguatkuasakan pelaksanaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015. Sistem teknologi maklumat terkini iaitu sistem pengkomputeran MyGST telah siap dibangunkan bagi melicinkan proses pelaksanaan GST kelak. Sistem pengkomputeran GST ini telah diuji dalam tempoh setahun dan proses

pendaftaran awal telah dilaksanakan 9 bulan sebelum tarikh pelaksanaan GST. Ini bagi memastikan tiada masalah yang akan timbul apabila GST dilaksanakan kelak. Selain itu, bagi melancarkan pelaksanaan GST, Jabatan Kastam sedang dalam proses menambah 677 kakitangan baharu di samping 1,227 kakitangan sedia ada khusus bagi GST. Kesemua usaha persiapan ini adalah sebagai persediaan Kerajaan menguatkuasakan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan menjelang 1 April 2015.

Jabatan Kastam juga telah membangunkan sebanyak 45 panduan industri dan 16 panduan spesifik untuk panduan pihak industri. Di samping itu, buku panduan GST kepada peniaga telah dikeluarkan bagi memberi penjelasan kepada mereka. Ini juga merupakan salah satu persediaan Kerajaan untuk memastikan pematuhan para peniaga terhadap peraturan-peraturan yang akan dikuatkuasakan oleh Kerajaan nanti.

Selain itu, Kerajaan juga akan mengambil langkah yang lebih serius di dalam memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan menggunakan alasan GST untuk menaikkan harga barang bagi tujuan membuat keuntungan secara berlebihan. Antara langkah yang telah

diambil oleh Kerajaan ialah menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2010. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) juga akan menerbitkan *Shoppers' Guide* bagi membantu pengguna mendapatkan maklumat harga dan membuat perbandingan harga sebelum dan selepas pelaksanaan GST.

Di samping itu, Kerajaan telah mempergiat usaha memberikan kesedaran kepada rakyat melalui sistem komunikasi berkesan berkenaan GST. Malah, hebatnya melalui media cetak dan media elektronik turut dipergiatkan sebagai salah satu langkah untuk menghebahkan maklumat berkenaan GST demi meningkatkan kefahaman rakyat dan seterusnya melaporkan kes-kes peniaga yang membuat keuntungan yang tidak berpatutan.

Dari segi sambutan para peniaga terhadap usaha-usaha Kerajaan setakat ini adalah amat menggalakkan. Sehingga 5 November 2014 sebanyak 125,216 syarikat telah mendaftar untuk pelaksanaan GST. Secara purata pendaftaran GST kini mencecah antara 2,000 hingga 2,500 syarikat dalam sehari.